

***HIKAYAT KETURUNAN RAJA NEGERI DELI:
KELAHIRAN SEBUAH LEGENDA SEJARAH***

MARDIAH MAWAR KEMBAREN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Februari 2011**

***HIKAYAT KETURUNAN RAJA NEGERI DELI:
KELAHIRAN SEBUAH LEGENDA SEJARAH***

Oleh

MARDIAH MAWAR KEMBAREN

**Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2011

HIKAYAT KETURUNAN RAJA NEGERI DELI:
THE BIRTH OF AN HISTORICAL LEGEND

By

MARDIAH MAWAR KEMBAREN

**Thesis submitted in fulfillment of the requirements
For the degree of
Doctor of Philosophy**

February 2011

Penghargaan

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur *alhamdulillah*, dengan rahmat dan kasih sayang Allah SWT, saya telah dapat menyelesaikan tesis ini. Selawat dan salam untuk junjungan Nabi tercinta Muhammad Rasulullah sebagai Rasul terakhir umat manusia.

Kejayaan menyiapkan tesis ini tidak terlepas daripada bantuan dan motivasi pelbagai pihak sama ada bantuan berupa moral mahupun material. Oleh sebab itu dengan segala kerendahan hati saya mempersembahkan untaian terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan yang setulusnya terutama kepada yang tersayang ayahanda (**Syamidun Kembaren**) dan ibunda (**Siti Raisah Br Ginting**) atas segala doa, pengorbanan dan sokongan moral yang tiada putus-putusnya.

Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas kepada **Prof. Madya Jelani Harun** sebagai penyelia utama dan **Prof. Madya Ahmad Jelani Halimi** sebagai penyelia bersama yang dengan sabar membimbing dan memberi tunjuk ajar yang sangat berharga. Semoga Allah memberkati ilmunya dan membalas semua kebaikan yang telah diberikan kepada penulis. Ucapan terima kasih juga kepada Profesor Dato' Abu Talib Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, juga kepada seluruh kakitangan akademik Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Tidak lupa penghargaan kepada pihak Perpustakaan USM dan seluruh kakitangannya yang turut membantu dalam memenuhi keperluan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terima kasih juga kepada pihak Institut Pengajian Siswazah USM dan seluruh kakitangannya,

Dalam kesempatan ini rakaman terima kasih diberikan kepada Puan Noriah, Ketua Bahagian, Perpustakaan Peringatan Za'ba dan Encik Zainal, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Universiti Malaya, kaki tangan bahagian Manuskrip di Perpustakaan Negara Malaysia, Pak Tuyut di Perpustakaan Nasional Indonesia yang telah berlapang hati membantu saya dalam mencari bahan-bahan berkaitan dengan tesis ini.

Selanjutnya persembahkan terima kasih kepada yang disayang **DR. M. Husnan Lubis M.A.**(suami) yang telah banyak bersusah payah berkorban untuk keberhasilan ini, juga untuk anak-anakku **Azha** (Hanifatul Azha Lubis), **Nahrir** (Nahrir Muhammad Auza'ie Lubis), **Aufa** (Aufa Nurul Izzah Lubis), **Lais** (Huzaifah Muhammad Lais Lubis), **Suha** (Suhailah Ramadani Nasuha Lubis) dan **Afia** (Lu'lu' Afiatul Husna Lubis) yang telah turut mengharungi suka duka perjuangan pengajian saya di Universiti Sains Malaysia.

Untaian terima kasih kepada keluarga Mohammad Razak Hamdan dan Amal binti Alias (isteri) sebagai jiran yang telah banyak menabur budi dan bantuan kepada saya dari aspek kekeluargaan untuk memudahkan penyelesaian tesis ini.

Terima kasih kepada Rektor Universitas Sumatera Utara yang telah memberikan bantuan daripada perencanaan dan izin belajar kepada penulis, juga kepada Direktur Jenderal Pendidikan Tinggi, Ditjen Dikti Depdiknas Jakarta Direktur Ketenagaan yang telah memberikan bantuan biasiswa, sehingga penulis boleh melaksanakan dan menyelesaikan tesis ini dengan lebih selesa. Terima kasih kepada rakan-rakan sejawat Pensyarah Fakultas Sastera Universitas Sumatera Utara yang pada kesempatan ini namanya tidak dapat penulis sebut satu demi satu. Namun demikian, semua bentuk sokongan yang berharga tetap dikenang.

Akhir kata, sekali lagi dengan segala kerendahan hati dan keikhlasan saya aturkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak atas semua budi baik dan jasa yang telah diberikan. Semoga Allah Subhanahu WaTa'ala memberi imbalan pahala yang berlipat ganda. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Pulau Pinang,

10 Mei 2010.

MARDIAH MAWAR KEMBAREN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI PETA	vi
SENARAI GAMBAR	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Permasalahan Kajian	15
1.3 Tujuan Kajian	16
1.4 Kepentingan Kajian	17
1.5 Metodologi Kajian	19
1.6 Batasan Kajian	21
1.7 Kajian Terdahulu	22
1.8 Organisasi Penulisan	27

BAB 2 NASKHAH DAN SUMBER	
2.1 Naskhah	32
2.2 Sumber Penulisan	40
2.3 Nilai Sejarah	54
2.4 Kesultanan Deli	81
BAB 3 DARI SEJARAH KE LEGENDA	
3.1 Genre Sastera Sejarah	118
3.2 Legenda Kepahlawanan	143
3.3 <i>Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli</i> Sebagai Sebuah Legenda Sejarah	161
BAB 4 KELEGENDAAN GOCAH PAHLAWAN	
4.1 Asal Keturunan	181
4.2 Kepahlawanan	192
4.3 Kepemimpinan	208
4.4 Kesetiaan	231
4.5 Kehebatan Luar Biasa	248
4.6 Kemahiran Siasah	260
BAB 5 KESIMPULAN	311
BIBLIOGRAFI	321
Lampiran I : Sinopsis	334
Lampiran II : Teks <i>Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli</i>	340

SENARAI PETA

Peta 1	Wilayah Kesultanan Deli Tahun 1650	101
Peta 2	Sumatera Dan Semenanjung Melayu Tahun 1524-1800	
	Dan Wilayah Aceh Pada Masa Sultan Iskandar Muda	102
Peta 3	Wilayah Kesultanan Deli Sekitar Tahun 1650-1700	103
Peta 4	Wilayah Kesultanan Deli Sekitar Tahun 1700-1795	104
Peta 5	Negeri-negeri di Sumatera Timur Pada Tahun 1945	105
Peta 6	Oprasi Militer Sultan Iskandar Muda Ke Negeri Melayu	114
Peta 7	Tiga Negeri Sebagai Basis Penyerangan Gocah Pahlawan ke Negeri Sambas	298
Peta 8	Negeri-negeri Semenanjung Malaysia	309

SENARAI GAMBAR

Gambar 1	Surat Volker bertanggal 19 Disember 1923	30
Gambar 2	Surat Volker bertanggal 22 Disember 1923	31
Gambar 3	Makam Gocah Pahlawan	106
Gambar 4	Naskhah <i>Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli</i> Muka Surat Pertama	107
Gambar 5	Naskhah <i>Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli</i> Muka Surat Terakhir	108
Gambar 6	Cover Depan dan Belakang Teks <i>Hikayat Deli</i> Versi Yandira Agung	109
Gambar 7	Simbol –Lencana Kesultanan Deli	110
Gambar 8	Makna Simbol Kerajaan Deli	110
Gambar 9	Sri Paduka Tuanku Sultan 'Amal ud-din Mahmud Perkasa 'Alam Shah ibni 'Alam al-Marhum Sultan Usman Perkasa 'Alam Shah	111
Gambar 10	Sri Paduka Tuanku Sultan Ma'amun al-Rashid Perkasa 'Alam Shah Ibni al-Marhum Sultan Amal ud-din Mahmud Perkasa 'Alam Shah [al-Marhum Ma'amur]	112
Gambar 11	Makmun Al Rasyid Perkasa Alamsyah (Sultan Deli) Pada Mata Wang Rupiah Indonesia	113
Gambar 12	Masjid Raya Al- Mashun (Masjid Raya Medan)	115
Gambar 13	Istana Maimoon (Istana Sultan Deli)	115
Gambar 14	Meriam Puntung	116
Gambar 15	Gunongan	116
Gambar 16	Tulisan Berbahasa Belanda Di Depan Pintu Istana Kesultanan Deli	117
Gambar 17	Tulisan Jawi Di Depan Pintu Istana Kesultanan Deli	117
Gambar 18	Strategi Perang Garuda Ngelayang	273
Gambar 19	Strategi Perang Garuda Ngelayang Yang Digunakan Gocah Pahlawan Menyereng Negeri Melaka	278
Gambar 20	Strategi Perang Garuda Ngelayang Yang Digunakan Gocah Pahlawan Menyereng Negeri Kamboja	285

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Tahap Penulisan Karya Sastera Sejarah Melayu	2
Jadual 2	Tahun Penyerangan Sultan Iskandar Muda ke Negeri Melayu Menurut Denys Lombard	60
Jadual 3	Tahun Penyerangan Sultan Iskandar Muda Ke Negeri Melayu Menurut Zakaria Ahmad	62
Jadual 4	Susun Lapis Masyarakat Melayu Tradisional	66
Jadual 5	Kenyataan Sejarah Dan Penyimpangan Sejarah Dalam <i>Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli</i>	178
Jadual 6	Ciri-ciri Kepimpinan Gocah Pahlawan	228
Jadual 7	Gaya Kepimpinan Gocah Pahlawan	229
Jadual 8	Kebijaksanaan Kepimpinan Gocah Pahlawan	229

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Deli Lebih Unggul Dari Aceh	50
Rajah 2	Salasilah Sultan Deli Dan Serdang Serumpun	99
Rajah 3	Salasilah Gocah Pahlawan Dalam <i>Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli</i>	100
Rajah 4	Struktur Pemerintahan Kesultanan Deli	113
Rajah 5	Tokoh Sejarah Menjadi Legenda dan Tujuan di Legendakan	174
Rajah 6	Rajah 6 Fenomena Symbiosis Dalam Legenda	142
Rajah 7	Kedudukan Legenda Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional	175
Rajah 8	Peranan Legenda Pada Masyarakat Melayu	176
Rajah 9	Kepahlawanan Gocah Pahlawan	206
Rajah 10	Hubungan Kesetiaan	222
Rajah 11	Siasah Perang di Negeri Pahang	275
Rajah 12	Siasah Perang di Negeri Melaka	279
Rajah 13	Siasah Perang di Negeri Kamboja	287
Rajah 14	Siasah Perang Di Negeri Bengkulu	292
Rajah 15	Siasah Perang di Negeri Sambas	300
Rajah 16	Kesetiaan Gocah Pahlawan	307
Rajah 17	Siasah Perang Gocah Pahlawan	308
Rajah 18	Salasilah Gocah Palawan Menurut Muzaffar & Suzana	310
Rajah 19	Struktur Sinopsis <i>Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli</i>	339

SENARAI SINGKATAN

JMBRAS	= <i>Journal of the Malayan (Malaysian) Branch of the Royal Asiatic Society</i>
JSBRAS	= <i>Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society</i>
dll	=dan lain-lain
Hlm.	=Halaman
Peny.	=Penyelenggara
ed.	=Editor
dkk	=dan kawan kawan
H.	=Hijrah
KITLV	= <i>Koninklijk Instituut Voot Taal, Lade-en Volkenkunde.</i>
M.	=Masihi
R.A.S.	= <i>Royal Asiatic Society</i>
SAW	= <i>Sallaallahu alaih wasallam</i>
S.O.A.S	= <i>School of Oriental and African Studies</i>
SWT	= <i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
terj.	=Terjemahan
tt	=Tanpa Tarikh

HIKAYAT KETURUNAN RAJA NEGERI DELI: KELAHIRAN SEBUAH LEGENDA SEJARAH

ABSTRAK

Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli adalah salah sebuah teks kesusasteraan Melayu tradisional berbentuk prosa naratif yang boleh digolongkan ke dalam genre sastera sejarah bagi Kesultanan Deli. Hampir keseluruhan ceritanya menonjolkan watak Gocah Pahlawan sebagai seorang panglima perang Aceh yang unggul menurunkan zuriat raja-raja Kesultanan Deli. Teks ini menjadi istimewa kerana memperlihatkan seorang pembesar kerajaan telah berjaya mengatasi kehebatan seorang raja. Walau bagaimanapun, penampilan unsur-unsur sejarah dalam teks ini adalah bercampur-baur dengan unsur-unsur legenda masyarakat sehingga membentuk sebuah karya legenda sejarah yang bersifat *hybrid*. Oleh itu, penelitian terhadap teks ini akan bertitik-tolak daripada kerangka pemikiran *oral history* yang telah dikemukakan oleh Jan Vansina dalam bukunya *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* (1965). Kajian membincangkan faktor dan ciri-ciri asas kelahiran Gocah Pahlawan sebagai tokoh legenda sejarah bagi kesultanan Deli. Ia meliputi asal keturunan, kepahlawanan, kepemimpinan, kesetiaan, kehebatan luar biasa dan kemahiran siasahnya. Naskhah *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*, kajian dan penyelenggaraan terhadapnya, memperlihatkan peranan yang berterusan karya sastera masa silam dalam membentuk kelahiran seorang tokoh legenda bagi sesebuah masyarakat sehingga hari ini.

HIKAYAT KETURUNAN RAJA NEGERI DELI:
THE BIRTH OF AN HISTORICAL LEGEND

ABSTRACT

Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli (King of Deli's Annals) is a Malay literary text were written in the form of narrative prose that can be regarded as a literature genre for the Sultanate of Deli. Most of its story depicted Gocah Pahlawan an Acehnesse General as the founder of the Deli Royal House. This literary work described how a common noble can be able to challenge a ruling King. However, the historical value of this literary work is pretty vague due to the fact that it was been mixed up with local folklore. This has made this work to be more to a pseudo-historical writing. The study of this text will depart for the research framework of oral historical thought as proposed by Jan Vansina in his book, *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology*. This research will attempt to discuss the position of Gocah Pahlawan as a legend for the Sultanate of Deli that covers from his origin, bravery, leadership, loyalty, and extraordinary attributes. The manuscripts of *Hikayat Keturunan Raja Deli* will potray a continuous role played by old literary work in order to create a legend for a community until today.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Hasil-hasil kesusasteraan Melayu tradisional telah lama digunakan oleh pengkaji asing mahupun tempatan sebagai sumber penulisan sejarah. Walau bagaimanapun, antara genre dalam kelompok ini yang sering menjadi tumpuan pengkaji tersebut adalah hasil penulisan yang dikenali sebagai sastera sejarah atau historiografi Melayu seperti *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Misa Melayu*, *Hikayat Patani*, *Hikayat Siak* dan sebagainya. Hal ini dikeranakan pada amnya karya sastera bercorak sejarah mengandungi sumber informasi masa lalu yang mempunyai nilai sejarah. Seperti untuk mengetahui budaya masyarakat Melayu dan melihat lebih dekat cara pemikiran, salasilah keturunan, falsafah serta *the way of life* masyarakat Melayu. Di samping itu membolehkan pengkaji menerokai bidang pengajian ilmiah yang dinamakan pensejarahan Melayu. Oleh kerana ketertarikan atas makna dan pengertian sejarah tersebutlah, pengkajian terhadap karya sastera yang bercorak sejarah lebih banyak diminati (Muhammad Yusoff Hashim, 1992:15)

Braginsky (1993) dalam buku beliau yang bertajuk *The System of Classical Malay Literature* membahagikan empat kategori atau tahap dalam penulisan karya-karya sastera sejarah Melayu. Tahap awal lebih kepada “myth of origin” atau mitos asal usul. Antara karya yang termasuk dalam kategori ini ialah *Salasilah Kutai* dan *Hikayat Banjar*. Tahap kedua yang muncul sekitar tahun 1400-an hingga tahun 1600-an. Pada tahap ini, masih mengekalkan “myth of origin”, tetapi sudah semakin

berkurangan, manakala nilai sejarah semakin penting dan diutamakan. Antara karya yang digolongkan ke dalam tahap kedua ini ialah, *Hikayat Raja Pasai*, *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Patani*. Pada tahap ketiga pula, unsur “myth of origin” hanya sedikit sahaja disinggung oleh pengarang kerana karya lebih berkisar kepada “Panegyric Chronicles” yang muncul sekitar tahun 1700-an sehingga tahun 1800-an. Antara contoh karya sastera dalam tahapan ketiga ini ialah *Hikayat Aceh* dan *Misa Melayu*. Pada tahap keempat “myth of origin” hampir-hampir sudah tiada lagi, sebaliknya karya lebih berpusatkan kepada aspek penulisan sejarah. *Hikayat Johor* dan *Tuhfat al-Nafis* yang dikarang sekitar tahun 1800-an sehingga tahun 1900-an adalah antara contoh karya utama yang muncul dalam dunia penulisan alam Melayu.

Jadual 1. Tahap penulisan karya sastera sejarah Melayu.

Tahap	Contoh Teks	Bentuk
1 Awal	<i>Salasilah Kutai</i> <i>Hikayat Banjar</i>	“myth of origin” (mitos asal usul) yang menjadi aspek penting dalam teks
2 1400-an - 1600-an	<i>Hikayat Raja Pasai</i> <i>Sejarah Melayu</i> <i>Hikayat Patani</i>	“myth of origin” (mitos asal usul) semakin berkurangan. Nilai sejarah semakin penting.
3 1700-an - 1800-an	<i>Hikayat Aceh</i> <i>Misa Melayu</i>	“myth of origin” (mitos asal usul) hanya sedikit sahaja. Lebih kepada “Panegyric Chronicles”
4 1800-an - 1900-an	<i>Hikayat Johor</i> <i>Tuhfat al-Nafis</i>	“myth of origin” (mitos asal usul) tidak lagi dominan pada penulisan sejarah.

Berdasarkan pembahagian kategori atau tahap dalam penulisan sastera sejarah yang diutarakan oleh Braginsky, *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* bolehlah dimasukkan ke dalam kategori tahap ketiga iaitu karya yang lebih menekankan kepada aspek “Panegyric Chronicles”. Pandangan ini adalah selaras dengan isi utama *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* tersebut yang mengagungkan seorang tokoh yang bernama Gocah Pahlawan, sebagai pengasas berdirinya Kesultanan Deli.

Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli lahir daripada sejarah salah sebuah kesultanan di Sumatera Timur (Provinsi Sumatera Utara-Indonesia) yang dikenali sebagai Kesultanan Deli.¹ Kesultanan ini diwarisi daripada salah satu keruntuhan kesultanan Haru (Aru) iaitu Kerajaan Balun Aru (1200-1608 M) yang disebut juga sebagai Aru Deli Tua. Selepas kerajaan Balun Aru ditakluki oleh Gocah Pahlawan pada tahun 1619, bermulalah aktiviti pemerintahan kesultanan Deli. Pada masa tersebut kesultanan Deli masih lagi berada di bawah kekuasaan kesultanan Aceh (T.Admansyah, 2000:49).

¹*Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* dikekalkan sebagai tajuk teks berasaskan ayat yang tertulis pada halaman pertama naskhah (Alkisah inilah *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli...*). Tajuk ‘*Hikayat Deli*’ yang sering digunakan secara umum, bukanlah sebagai tajuk asal teks ini, kerana di mana-mana dalam teks tidak ditemui perkataan *Hikayat Deli* yang memperlihatkan sebagai tajuk teks. Pada akhir teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* sememangnya ada dinyatakan ‘*Hikayat Andalan*’ (...khatam teromba ini yang dinamakan *Hikayat Andalan*). Menurut *Kamus Dewan* (2004), makna ‘andalan’ merujuk kepada ‘boleh dipercayai’ atau boleh dijamin mutu atau kualitinya’. Seandainya ‘*Hikayat Andalan*’ dijadikan tajuk teks ini, tajuk tersebut tidak menepati makna dari segi isi serta tujuan teks ini. Oleh sebab itu, dikekalkanlah ‘*Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*’ sebagai tajuk teks. Apa lagi teks ini sememangnya jelas ingin menunjukkan salasilah keturunan Raja Negeri Deli, maka tajuk *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* dirasakan yang paling bersesuaian dan lebih menepati makna dalam kandungan teks tersebut.

Namun semasa pemerintahan Tuanku Perunggit (1653-1698), Kesultanan Deli secara rasmi mengisytiharkan kemerdekaannya daripada Aceh.² Menurut Lukman Sinar (1971:188), tunduknya kesultanan Deli di bawah kekuasaan Sultan Iskandar Muda (1607-1636 Masihi), berkaitan dengan tugas yang diamanahkan oleh sultan Aceh tersebut kepada Gocah Pahlawan sebagai panglima perang. Iaitu dengan misi mengislamkan negeri-negeri yang ada di Sumatera Timur.³

Sebelum munculnya nama Deli, masyarakat Aru sudahpun mengenali Islam, bahkan ada yang berpendapat bahawa Islam masuk ke negeri Aru mendahului Pasai.⁴ Selepas masuknya Islam, masyarakat Deli yang sebelum ini banyak dipengaruhi oleh kepercayaan terhadap animisme dan dinamisme atau *pelbegu*⁵ sebagai dasar keagamaan, mula mengamalkan hukum-hukum syariat Islam.

² Pada masa ini kesultanan Aceh diperintah oleh raja-raja perempuan. Kesempatan inilah digunakan oleh Panglima Perunggit untuk mengisytiharkan kemerdekaan negeri Deli daripada Aceh (Lukman Sinar, 2005 : 24).

³ Menurut pendapat Fadhlullah bin Jamil (1981 : 250) dasar memperkukuhkan kerajaan Aceh dan perluasan wilayah serta memerangi penjajah sememangnya atas nama Islam, namun tidak dapat dinafikan bahawa ada motif yang tersirat di sebaliknya bahawa Aceh ingin mengukuhkan ekonominya dengan memonopoli perdagangan barang-barang seperti lada dan biji timah. Jelasnya, dasar luar kerajaan Aceh adalah menyentuh dua aspek utama, iaitu melancarkan peperangan terhadap penjajah Portugis dan untuk menegakkan hegemoni perdagangan Aceh di sekitar wilayah Aru dan Selat Melaka.

⁴ Seperti yang dinyatakan oleh Lukman Sinar (1981 : 450) bahawa Fakir Muhammad lebih dahulu mengislamkan Fansuri, Lamiri dan Haru baru kemudian Pasai. Lihat *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* oleh A. Samad Ahmad (2008 : 56).

⁵ Kepercayaan tentang kekuatan roh sesuatu benda atau tempat-tempat tertentu. *Begu* (bahasa Karo) bermakna hantu, jadi istilah '*pelbegu*' memberi erti kepercayaan terhadap adanya kekuatan hantu atau roh-roh terhadap sesuatu benda atau tempat-tempat tertentu. Misalnya dalam masyarakat tradisional Karo (suku di Sumatera Utara) apabila mereka ingin memasuki hutan, pada kaki hutan tersebut terlebih dahulu mereka meletakkan sebatang rokok yang ujungnya telah dibakar (seolah-olah tengah menghisab rokok) untuk dipersembahkan kepada roh penghuni hutan sebelum memasuki hutan tersebut.

Masyarakat Aru yang telah menganuti agama Islam ini menyatakan diri mereka sebagai ‘Orang Melayu’ (Admansyah, 2000: 18).⁶ Meresapnya Islam sebagai agama masyarakat Deli, menyebabkan sebahagian besar daripada budaya khususnya dari segi makanan, pakaian, cara bersopan santun dan lain-lain adalah mengikuti adat-istiadat kebiasaan orang-orang Melayu yang bersesuaian dengan orang-orang Melayu yang berada di Alam Nusantara.

Sebelum kedatangan penjajah Belanda pada abad ke-18 M ke Sumatera Timur, suku Melayu Pesisir Timur terbahagi kepada sembilan kerajaan, yang salah satunya ialah kesultanan Deli.⁷ Seluruh aktiviti pemerintahan kerajaan Aru Deli Tua ini pada peringkat awalnya berpusat di kota Deli Tua.⁸ Akan tetapi selepas keruntuhan kerajaan di Aru Deli Tua, ia telah bertukar nama kepada Deli sahaja. Pusat pemerintahannya berpindah ke Labuhan Deli.⁹ Kemudian, semasa pemerintahan Sultan Ma’amun Al-Rasyid Perkasa Alamsyah pada tahun 1891, pusat

⁶ Daripada itulah akhirnya dikenali istilah “masuk Melayu” bererti “menganuti agama Islam”. Masuk Melayu bererti masuk agama Islam. Orang-orang dari kerajaan Aru yang telah memeluk agama Islam menyatakan dirinya Melayu. Jadi istilah ‘Melayu’ diberi maksud sebagai ‘memeluk agama Islam’. Pendapat ini didukung oleh beberapa peneliti tempatan iaitu, Aiyub, Z. Pangaduan Lubis, D. Syahrial Isa, *Sejarah Pertumbuhan Sastera Indonesia di Sumatera Utara* (2000:11), Lukman Sinar, *Sejarah Medan Tempoedoeloe* (2005 : 9).

⁷ Kesembilan kerajaan tersebut iaitu 1. Kerajaan Kota Pinang (Kerajaan Pinang Awan) pusat pemerintahannya di Kota Pinang, 2. Kerajaan Bilah pusat pemerintahannya di Bilah, 3. Kerajaan Panai pusat pemerintahannya di Negeri Lama, 4. Kerajaan Kualuh pusat pemerintahannya di Kualuh, 5. Kerajaan Asahan pusat pemerintahannya Tanjung Balai, 6. Kerajaan Tebing Tinggi pusat pemerintahannya di Tebing Tinggi, 7. Kerajaan Serdang pusat pemerintahannya di Perbaungan, 8. Kerajaan Langkat pusat pemerintahannya di Tanjung Pura, 9. Kerajaan Deli pusat pemerintahannya di Medan (Admansyah, 2000 : 19).

⁸ Sekitar 25 km sebelah Barat daripada Kota Madya Medan sekarang.

⁹ Sekitar 30 km sebelah Utara daripada Kota Madya Medan sekarang. Labuhan Deli merupakan pusat perdagangan di daerah Sumatera Timur sejak abad ke-13 sehingga abad ke-16 M (Admansyah, 2000 : 50).

pemerintahan Kesultanan Deli berpindah daripada Labuhan Deli ke kota Medan sehingga sekarang (Lukman Sinar, 2005: 53).

Sama seperti masyarakat Melayu yang lain, masyarakat Deli juga memiliki khazanah kesusasteraan mereka yang tersendiri, tinggalan tradisi warisan masyarakatnya. Karya sastera yang terhasil di Deli merangkumi beberapa cerita lisan dan tulisan. Antara cerita lisan yang sangat popular sehingga kini ialah *Cerita Pak Pandir*, *Cerita Lebai Malang*, *Cerita Pelanduk*, *Cerita Nenek Kebayan*, *Cerita Puteri Bungsu*, *Cerita Tuan Puteri Pucuk Kelumpang*, *Cerita Bawang Putih dan Bawang Merah*, *Cerita Pak Kadok*, *Cerita Batu Belah Batu Betangkap*, *Si Miskin Beranakkan Katak*, *Embai si Bihi*, *Banda Uban*, *Puteri Cembul Gading*, *Puteri Putih Bunga Melur*, *Anak Perempuan Jadi Balam* dan *Cerita Meriam Puntung* (Lah Husny, 1972:127).

Berdasarkan penelitian Zubeirsyah dalam *Jurnal Asia Tenggara* (2003, jilid 9) kemudiannya ada beberapa karya lain yang muncul dalam masyarakat Melayu Deli seperti *Cerita Datuk Megang*, *Asal Mula Pantai Cermin*, *Permata Bertuah Dari Serdang*, *Danau Laut Tador*, *Tupai Dengan Tujuh Putri*, *Kucing Dengan Harimau* dan lain-lain. Di samping cerita yang telah disebutkan di atas, ada beberapa karya sastera yang dijangkakan berkembang dan dikenali hanya di Sumatera sahaja khususnya pada masyarakat Melayu Deli seperti *Cerita Puteri Hijau*.¹⁰

¹⁰ *Puteri Hijau* ini telah dikaji oleh Wan Syaifuddin (1995) untuk memenuhi ijazah sarjana Muda di Universiti Sains Malaysia dengan tajuk *Syair lisan masyarakat Melayu Deli : tumpuan khusus terhadap Syair Puteri Hijau*. Dapat dilihat di perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, kod PL5117.2.P13 S981 f rb. Kira-kira enam tahun sebelum itu pada tahun 1989 Irwansyah, juga telah mengkaji *Puteri Hijau* untuk memenuhi ijazah Sarjana Muda di Universitas Gadjah Mada dengan tajuk *Syair Putri Hijau: Telaah Sejarah Teks dan Resepsi*.

Cerita Puteri Hijau ini pada awalnya muncul dalam bentuk lisan, baru kemudian ditulis dalam bentuk syair oleh A. Rahman dan diterbitkan oleh Balai Pustaka pada tahun 1941.¹¹

Selain *Cerita Puteri Hijau*, ditemui pula satu teks yang bertajuk *Riwayat Hampan Perak*.¹² Teks ini, menceritakan tentang salasilah keturunan raja di negeri Hampan Perak Sepuluh Dua Kuta dan cerita berkenaan dengan sebab-sebab sorang pendita bernama Guru Patimpus memeluk agama Islam.¹³ Masuk Islamnya Guru Patimpus oleh kerana kekalahan beliau semasa bertanding ilmu dengan Datuk Kota Bangun. Dalam pertandingan tersebut agama dijadikan sebagai sebuah pertaruhan. Apabila bila Guru Patimpus kalah dalam pertandingan ilmu, maka Guru Patimpus harus memilih agama Islam sebagai balasannya. Dalam pertandingan tersebut ternyata kemenangan berpihak kepada Datuk Kota Bangun. Guru Patimpus

¹¹ Ceritanya mengisahkan, pada masa dahulu di Kesultanan Deli lama, hidup seorang puteri yang sangat jelita, bernama Putri Hijau. Kecantikan puteri tersebut tersebar sehingga ke pengetahuan Sultan Aceh. Sultan Aceh jatuh hati dan ingin melamar sang putri. Malangnya, lamarannya ditolak oleh saudara Putri Hijau yang bernama Mambang Yazid dan Mambang Khayali. Akibat penolakan itu, menggejolak kemarahan Sultan Aceh kerana rasa terhina. Maka, tercetuslah perang antara Aceh dengan Deli. Kononnya, saat peperangan itu seorang saudara Puteri Hijau menjelma menjadi *ular naga* dan seorang lagi menjadi *sepucuk meriam*. Meriam tersebut akhirnya pecah kerana tiada henti menembaki tentera Aceh. Sisa "pecahan" meriam tersebut sehingga kini masih ada dijumpai di tiga tempat; iaitu, di Istana Maimun (Istana Kesultanan Deli), di Desa Sukanalu (Tanah Karo), dan di Deli Tua (Deli Serdang), (Dada Mauraxa, 1973 : 80).

¹² Naskhah *Riwayat Hampan Perak* ini ditemui oleh panitia penyusun sejarah kota Medan pada tahun 1970. Teks ini awalnya ditulis pada kulit alim (menurut Lukman sinar, 2005:18 'kulit alim' ialah lempengan-lempengan bambu) menggunakan perkataan Batak. Kemudian pada tahun 1274 H bersamaan dengan 1854 M disalin ke Bahasa Melayu, (Aiyub, dkk, 2000 :16). Mukaddimah Teks *Hikayat Hampan Perak* tersebut sebagai berikut "Inilah keturunan disalin daripada kulit alim dan perkataan Batak, maka disalin dengan bahasa Melayu pada tahun 1274 H keturunan yang berkuasa di Hampan Perak Sepuluh Dua Kuta, maka inilah turun temurun".

¹³ Menurut ahli sejarah Kota Madya Medan yang merujuk kepada *Hikayat Hampan Perak*, Guru Patimpus adalah orang pertama yang membuka perkampungan Medan, yang kini telah berkembang menjadi ibu kota Provinsi Sumatera Utara-Indonesia. (T.Lukman Sinar, 2005: 16, Dada Meauraxa,1973:22, Aiyub, Z. Pangaduan Lubis, D. Syahrial Isa, 2000 : 22, Ibrahim Alfian,1984:5).

melaksanakan janjinya iaitu membayar kekalahananya kepada Datuk Kota Bangun dengan memeluk agama Islam.¹⁴

Selanjutnya terdapat pula sebuah cerita yang dikenali sebagai *Sejarah Si Mbelang Pinggel*¹⁵ (Wan Haji Umaruddin Baros, 1966). Cerita ini sebenarnya merupakan sebuah karya historiografi yang lebih menonjolkan tentang sejarah salasilah keturunan pemerintah negeri Senembah.¹⁶ Walaupun menonjolkan tentang sejarahnya, namun *Sejarah Si Mbelang Pinggel* masih memperlihatkan unsur-unsur penceritaan dan pengembaraan Si Mbelang Pinggel. Si Mbelang Pinggel ialah anak kepada Tuanku si Gambo-Gambo yang bertakhta di negeri Barus. Si Mbelang Pinggel dijadikan gelaran dan tajuk cerita ini, kerana anak Tuanku si Gambo-Gambo tersebut memiliki telinga yang sangat besar dan kelihatan hodoh. Dalam kisah

¹⁴ Ceritanya mengisahkan seorang yang bernama Guru Patimpus mendengar bahawa ada seorang yang berilmu tinggal di suatu dusun. Dusun tersebut bernama 'Kota Bangun'. Orang yang berilmu tersebut diceritakan berasal dari Jawi berbangsa Sayid datang ke tanah Deli, dikenali dengan nama Datuk Kota Bangun. Guru Patimpus mendatangi Datuk Kota Bangun tersebut sebab berkeinginan menguji kepandaiannya. Apa bila mereka berjumpa, Guru Patimpus berkata bahawa beliau sangat haus dan ingin meminum air kelapa. Datuk Kota Bangun mengatakan "silakan ambil kelapa saya". Guru Patimpus menunjukkan kehebatannya dengan menyuruh parang kepunyaan beliau menetak sendiri buah kelapa seberapa banyak. Datuk Kota Bangun bertanya, "Mengapa banyak sangat kelapa yang tuan turunkan?, Apakah semua buah kelapa itu boleh tuan habiskan?" Guru Patimpus menjawab bahawa beliau sangat haus dan yakin boleh menghabiskan air buah kelapa yang banyak tersebut. Datuk Kota Bangun berkata lagi: "Bagaimana seandainya tuan tidak sanggup menghabiskan air kelapa tersebut, apa taruhannya?". Jawab Guru Patimpus "Kalau saya dan tujuh orang kawan saya ini tidak dapat mengabiskannya, saya bersedia menjadi Jawi". Selepas diminum oleh Guru Patimpus dan tujuh orang kawannya air kelapa tersebut, ternyata satu buah air kelapa sahaja pun tidak dapat beliau habiskan, bahkan air kelapa yang satu buah tersebut semakin banyak dan melimpah. Kerana kekalahan ini, maka Guru Patimpus menepati janjinya untuk masuk Jawi (memeluk agama Islam).

¹⁵ 'Pinggel' (Peninggel) bermaksud 'telinga' atau 'pendengaran', manakala 'Mbelang' pula bermaksud 'lebar' (Berasal dari Bahasa Karo iaitu salah satu suku di Sumatera Utara-Medan). Jadi Si Mbelang Pinggel maksudnya yang bertelinga lebar atau boleh diberi makna sebagai seseorang yang memiliki pendengaran yang tajam.

¹⁶ Sebahagian wilayah negeri Senembah yang suatu ketika dahulu pernah menjadi wilayah Deli.

Pengembaraan Si Mbelang Pinggel inilah diselitkan cerita salasilah keturunan negeri Senembah.

Selain karya sastra yang berbentuk naratif seperti di atas, karya sastra yang berbentuk puisi juga hidup dan berkembang dalam masyarakat Melayu Deli seperti pantun, gurindam, jampi, pepatah, sanjak, senandung juga nyanyian-nyanyian rakyat. Nyanyian rakyat kebanyakannya berupa pantun yang dinyanyikan (Lah Husny, 1979 : 54).

Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli merupakan sebuah karya yang mengandungi unsur sejarah dan asal-usul keturunan kesultanan Deli. Unsur-unsur sejarah yang diperlihatkan berkenaan dengan kemegahan kesultanan Aceh dalam penaklukan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, khususnya pada masa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Johan Berdaulat. Manakala asal-usul keturunan kesultanan Deli pula diperlihatkan pada bahagian awal dan akhir teks. Gabungan unsur-unsur tersebut menjadikan *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* digolongkan kepada karya historiografi yang mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan berbanding dengan teks historiografi Melayu yang lain seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Patani*, *Hikayat Siak*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan sebagainya.

Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli yang digunakan sebagai bahan kajian tesis ini adalah dalam bentuk fotokopi, yang telah diperolehi daripada Darwis Harahap.¹⁷ Perkara yang ketara pada halaman depan teks ini ialah terdapatnya sebuah tanda tangan. Pada tanda tangan tersebut tertulis nama T. Volker. Oleh

¹⁷Allahyarham, bekas pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.

kerana itu diperkirakan tanda tangan di halaman depan teks tersebut adalah tanda tangan T. Volker.¹⁸ Naskhah asal ada tersimpan di perpustakaan *Koninklijk Instituut Voot Taal Lade-en Volkenkunde* (KITLV) Leiden.¹⁹

Keterangan mengenai siapa pengarang *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* yang asal, tiada dituliskan di mana-mana dalam teks. Namun dinyatakan bahawa teks asal tersebut diperolehi dari pada Sultan Deli.²⁰

Salah satu sumber lain menyatakan bahawa ada sebuah naskhah *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* yang bertulisan Jawi ‘kemungkinan’ ada di Royal Tropical Institute, Amesterdam. Sumber ini diperolehi dari keterangan T. Iskandar (1999) dalam katalog beliau yang bertajuk: *Catalogue of Malay, Minangkabau, and*

¹⁸ T. Volker (seorang pedagang dan pengarang Belanda yang lahir pada tahun 1892) pernah tinggal di Deli dari tahun 1920 sehingga tahun 1942 dan berperanan aktif sebagai peladang tembakau Deli. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang aktif menulis buku. Pada tahun 1937 terbit bukunya berkenaan dengan sajak beliau di Rotterdam. Tahun 1949-1959 diterbitkan 4 buah buku berkenaan dengan seni dan perdagangan Jepun dan Cina (T. Volker, 1931. *Handbookje voor Den Deli Planter*)

¹⁹ Atas budi baik Profesor Md. Salleh Yaapar, (pensyarah USM, yang pada masa itu sedang bertugas di Leiden) menerusi E-mail pada 28 September 2005, menyatakan bahawa teks *Hikayat Deli* yang bertulisan Jawi, di perpustakaan KITLV Leiden ‘tidak ada’. Yang ada cuma transliterasi Rumi yang ditaip oleh T. Volker di Medan pada tahun 1923. Panjangnya 196 halaman, lebih kurang sama dengan teks yang diterbitkan oleh Tengku Safrina dan Wan Syaifuddin (Yandira Agung, Medan : 2003).

²⁰ Hal ini diyakini sebab pada muka surat pertama dan kedua teks *Hikayat Deli*, disertakan dua lembar surat T. Volker yang ditujukan kepada Tuan Andrae dengan menggunakan bahasa Belanda [mungkin Gesine Andrae, yang menulis tentang Deli dalam bukunya yang bertajuk *Een Bezoek bij een van Sultan Deli* (Milner, 1982: 146)] dan diletak tandatangan beliau. Surat pertama T. Volker bertanggal 19 Desember 1923, menyatakan bahawa naskhah diberikan Sultan Deli kepada Tuan Andrae untuk melengkapi perpustakaan *Oostkust Van Sumatera Instituut di Instituut Voor de Tropen*, Amsterdam. Surat kedua bertanggal 22 Disember 1923 berkenaan dengan kandungan isi teks dan pernyataan dari Sultan Deli yang menyatakan bahawa “ Saat yang tepat untuk menyampaikan sejarah mengenai nenek moyang kami”. Pengkaji berkeyakinan Sultan Ma'mun Alrasyid Perkasa Alamsyah (1873-1924) yang memberikan naskhah *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* kepada T. Volker semasa beliau masih lagi di Medan, kemudian T. Volker mengirim naskhah tersebut kepada Andrae. Salinan surat boleh di lihat (Gambar : 1.) pada bahagian akhir bab satu ini.

South Sumatran Manuscripts.²¹ Mengingat dalam katalog tersebut, T. Iskandar meletakkan perkataan ‘kemungkinan’ yang menunjukkan bahawa beliau belum pernah melihat sendiri teks *Hikayat Deli* bertulisan Jawi, bersamaan dengan itu menunjukkan keraguannya tentang kewujudan teks *Hikayat Deli* yang bertulisan Jawi.

Milner dalam bukunya yang bertajuk *Kerajaan: Malay Political Culture Eve of Colonial Rule* (1982 : 72), turut memberi keterangan bahawa beliau pernah menemukan teks *Hikayat Deli* di Instituut voor de Tropen, Amsterdam dalam dokumen *Ostkust van Sumatra Instituut*.²² Walau bagaimanapun, menurut keterangannya bahawa teks *Hikayat Deli* yang ditemuinya di Amsterdam tersebut bukanlah bertulisan Jawi, melainkan dalam bentuk Rumi.²³ Berdasarkan keterangan ini jelaslah naskhah *Hikayat Deli* yang bertulisan Jawi tidak ada di *Instituut voor de Tropen*, Amsterdam.

Berdasarkan ciri-ciri genre, isi dan teknik serta tema, *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* seperti yang telah disebutkan dapat dikategorikan ke dalam genre

²¹ Pengkaji sudah berulang kali berusaha menghubungi perpustakaan tersebut melalui surat sendiri dan juga melalui khidmat perpustakaan Hamzah Sendut USM serta melalui beberapa orang kenalan pengkaji, namun sehingga kini tidak ada balasan. Kemudian Pengkaji telah berusaha berjumpa terus dengan orang-orang kerajaan di Istana Deli- Medan, mereka juga tidak memiliki teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* yang bertuliskan aksara Jawi bahkan teks yang sama dengan pengkaji miliki juga mereka kata tidak ada lagi.

²² Pengkaji juga telah berusaha membuka katalog tersebut melalui internet, walau bagaimanapun naskhah yang bertajuk *Hikayat Deli* tidak tersenarai dalam katalog di perpustakaan *Koninklijk Instituut de Tropen, Centrale Bibliotheek Mauritskade-Amsterdam*.

²³ Hal yang sama juga dijelaskan oleh Mashudi bin Haji Kader (pensyarah USM, yang tahun 2007 sedang bertugas di Leiden) bahawa naskhah *Hikayat Deli* aksara Jawi tidak ada di perpustakaan KITLV Leiden, bahkan menerusi E-mel beliau mengirimkan muka surat pertama dan kedua teks *Hikayat Deli* yang ada di Leiden. Ternyata beraksara Rumi dan sama betul dengan teks yang ada pada pengkaji.

sastera sejarah, apalagi dilihat daripada tajuk *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*, apa yang dijangkakan oleh pembaca, bahawa teks ini jelas memperlihatkan sejarah Kesultanan Deli. Walau bagaimanapun, setelah pembacaan yang mendalam kandungan teks tersebut lebih utama menonjolkan tokoh legenda sejarah, iaitu legenda yang memperlihatkan kehebatan, kegagahan dan keperkasaan seorang yang bergelar Gocah Pahlawan dalam menakluki negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Istimewanya lagi, teks ini menonjolkan seorang pembesar kerajaan sebagai tokoh yang paling utama, iaitu seorang panglima perang. Beliau bukan seorang sultan atau seorang raja sebagaimana umumnya yang menjadi tokoh utama dalam genre sastera sejarah. Bahkan hampir keseluruhan episod cerita dalam teks ini menceritakan keagungan Gocah Pahlawan. Walau bagaimanapun episod-episod terakhir dalam teks ini jelas menceritakan salasilah keturunan raja Deli yang menyempurnakan teks ini dalam genre historiografi tradisional Melayu.

Menariknya teks ini, sejarah dan kelegendaan kebesaran, keagungan keperkasaan Gocah Pahlawan tersebut diceritakan dalam bentuk percampuran antara fakta dengan fiksyen. Walaupun disampaikan dengan percampuran fiksyen namun nilai kesejarahannya masih diwariskan dari generasi ke generasi, bahkan dipercayai oleh masyarakat pendukungnya sehingga kini.

Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli secara umumnya memperkenalkan kepada kita akan satu-satunya teks yang mengisahkan tentang sejarah dan jurai keturunan kesultanan Deli di Sumatera Timur. Adalah satu keberuntungan yang

istimewa kerana teks tersebut dapat diguna pakai sebagai sumber sejarah dalam mengungkapkan keberadaan salasilah keturunan masyarakat Melayu Deli.²⁴

Perkara yang sangat menonjol dalam teks ini ialah tentang kehebatan Gocah Pahlawan yang mampu mengatasi kehebatan Sultan Iskandar Muda.²⁵ Di atas kegemilangan dan keagungan Sultan Iskandar Muda dimunculkanlah seorang watak lain yang lebih unggul dengan gelaran Gocah Pahlawan. Gocah Pahlawan walaupun hanya sebagai pembesar kerajaan Aceh yang berpangkat laksamana tetapi dapat mengharumkan nama Iskandar Muda sebagai Sultan. Bahkan dengan jelas diselitkan bahawa keagungan Sultan Iskandar Muda berkait erat dengan kegigihan Gocah Pahlawan sebagai panglima perang. Hikayat ini menggambarkan seolah-olah tanpa Gocah Pahlawan, Iskandar Muda tidak memiliki apa-apa keistimewaan. Dengan demikian, pengarang *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* cuba menggantikan keunggulan tokoh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang sudah terkenal kepada tokoh Gocah Pahlawan yang dimunculkan sebagai pengasas berdirinya kesultanan

²⁴ Ada beberapa teks historiografi menceritakan fakta sejarah yang berhubung kait dengan Negeri Deli, misalnya *Hikayat Aceh* (T. Iskandar, 1958:339,401,405), menceritakan Deli dikalahkan pada masa pemerintahan Syah Alam (Sultan Iskandar Muda). Dalam *Bustan al-Salatin* (Siti Hawa Haji Salleh, 1992:6) pada bab dua menceritakan bahawa Aceh menakluki Deli pada tahun 1021 H dan dalam *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad, 1979) juga ada kisah yang berkenaan dengan Raja Haru (Deli Lama) bermula dari muka surat 25, 56, 110, 154 dan 176 sehingga muka surat 194. Antara lain kisah berkenaan masuk Islamnya Orang Haru, berkenaan cerita mengutus Raja Pahlawan ke negeri Pasai, mengadakan perlawanan dengan Melaka dll.

²⁵ Kenyataannya jelas dalam pelbagai sumber sejarah Barat mahupun tempatan bahawa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, (1607-1636) adalah termasuk tokoh yang agung di sekitar abad ke-17 di Asia Tenggara. Kebesaran, kegemilangan dan puncak kejayaan Aceh adalah pada masa pemerintahan baginda. Sultan Iskandar Muda adalah sultan Aceh yang dapat menguasai perdagangan di perairan Selat Melaka dan menguasai kerajaan-kerajaan sekitar semenanjung seperti Pahang, Kedah, Johor dan Perak. Kerajaan-kerajaan di pantai Barat dan Timur pulau Sumatera, seperti Barus, Batang Hari Pasaman, Padang, Pariaman juga pernah berada di bawah pengaruh baginda (Rusdi Sufi, 1981:87, Denys Lombard, 2008:143-144).

Deli. Sekali gus pengarang hikayat ingin menyampaikan kepada khalayak bahawa Deli lebih unggul daripada Aceh.

Selain itu, teks ini juga memperlihatkan nilai-nilai pengajaran yang baik, iaitu nilai-nilai moral atau adab dalam ketaatan seorang pembesar kerajaan kepada rajanya yang tidak berbelah bagi. Adab dalam konteks ini menjurus kepada panduan dan nasihat tentang etika dan akhlak kepada raja dan pembesar kerajaan. Di samping sebagai sastera adab, teks ini juga diperlihatkan kegemilangan seorang pembesar dalam mengatur strategi peperangan untuk menakluki musuh. Juga diperlihatkan moral yang sepatutnya dilakukan kepada musuh yang kalah perang dan etika dalam peperangan. Secara singkat teks ini merupakan sebuah karya sastera yang menyatukan nilai-nilai adab dan juga sejarah.

Oleh yang demikian, (*Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*) kajian dan penyelenggaraan amat bermakna kerana ia merangkumi beberapa keistimewaan sama ada daripada segi genre mahupun dari sifat keistimewaan tokoh yang ditonjolkan. Dari segi genre, *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* memperlihatkan sebuah karya sastera yang mempunyai ciri-ciri genre campuran, dengan kata lain karya sastera 'hybrid' (hibrid), iaitu teks yang merangkumi bentuk atau ciri penulisan daripada beberapa genre yang lain. Genre- genre yang dimaksudkan meliputi sebuah cerita dengan gabungan unsur-unsur sejarah dalam kategori historigrafi Melayu, genre adab dalam kaitannya dengan hubungan pembesar kerajaan dengan rajanya serta sebagai genre sastera rakyat yang menonjolkan kelegendaan, iaitu legenda kepahlawanan Gocah Pahlawan.

1.2 Permasalahan Kajian

Sehingga kini belum ada kajian yang dilakukan berkaitan dengan unsur legenda yang terdapat dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* baik oleh pengkaji tempatan mahupun pengkaji asing. Terutama sekali legenda yang berkenaan dengan Gocah Pahlawan yang merupakan tokoh utama dalam teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*. Wal hal hampir keseluruhan cerita dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* memperlihatkan kelahiran Gocah Pahlawan sebagai sebuah karya sastera yang bersifat legenda.

Menyoroti hal-hal yang berkenaan dengan legenda tidak akan terlepas dari membicarakan kewujudan unsur fiktif. Namun dalam kelegendaan Gocah Pahlawan tersebut unsur-unsur sejarah juga disisipkan disana-sini. Walau bagaimanapun sejauh manakah unsur-unsur sejarah yang dimasukkan dalam kelegendaan Gocah pahlawan tersebut untuk membentuk atau melahirkan *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* sebagai sebuah legenda sejarah belum dapat diketahui.

Karya historiografi selalunya memperlihatkan keistimewaan seorang tokoh yang telah menjadi legenda pada masyarakat yang melahirkannya. Misalnya tokoh Seri Sultan Perkasa Alam Johan Berdaulat (Sultan Iskandar Muda-Aceh) dalam *Hikayat Aceh*, Seri Sultan Iskandar Zulkarnainsyah Khalifatur Rahman Johan Berdaulat Zilullahi (Sultan Iskandarsyah-Perak) dalam *Misa Melayu*, Pengiran Bendahara Seri Maharaja Sekam (Awang Semaun-Berunai) dalam *Silsilah Raja-Raja Berunei* dan Gocah Pahlawan (Muhamad Dalikhan- Deli) dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*. Tokoh-tokoh yang dimunculkan dalam historiografi Melayu

tersebut masing-masing memperlihatkan keistimewaan asal-usul keturunannya. Sepintas pembacaan dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* keistimewaan tokoh Gocah Pahlawan diperlihatkan mengungguli tokoh Iskandar Muda. Walau bagaimanapun, belum diketahui bagaimana keunggulan tokoh Gocah Pahlawan sebagai seorang tokoh legenda sejarah dari kesultanan Deli diperlihatkan, padahal kenyataan sebenarnya teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* menyoroti cerita kelegendaan Gocah Pahlawan tersebut. Persoalan ini menjadi salah satu permasalahan kajian yang akan dikupas dalam penulisan tesis ini.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah memperlihatkan bagaimana teks historiografi Melayu memberi penekanan terhadap konsep kelahiran legenda sejarah. Munculnya seorang tokoh sejarah seperti Gocah Pahlawan dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* boleh berkembang sehingga menjadi seorang tokoh legenda bagi kesultanan Deli sehingga sekarang.

Seterusnya tujuan kajian ini dilanjutkan dengan memperlihatkan keistimewaan *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* yang memunculkan sebuah karya legenda yang hibrid. Walaupun hanya sebagai seorang pembesar kerajaan, Gocah Pahlawan dapat mengungguli kehebatan seorang sultan. Oleh itu, kajian akan mengupas sejauh mana tokoh Gocah Pahlawan dapat menggantikan kedudukan dan keagungan Sultan Iskandar Muda merupakan tujuan dari kajian ini. Gocah Pahlawan pada awalnya hanyalah panglima perang Aceh pada zaman Sultan Iskandar Muda. Walaupun hanya sebagai seorang tokoh sejarah, keistimewaan beliau ditonjolkan

sangat terserlah dalam teks tersebut baik dalam asal keturunan mahupun dari keunggulan sifat kepahlawanan, kepemimpinan, kesetiaan, kehebatan luar biasa dan kemahiran siasah.

Seterusnya, kajian ini bermatlamat untuk membuat satu kajian filologi dan perbandingan terhadap teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* yang lebih kemas, disertai dengan suntingan dan anotasi, untuk menghasilkan satu edisi teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* yang lebih ilmiah. Perkataan dalam teks tersebut diperlengkapkan lagi dengan *apparatus criticus* dengan harapan hendak memperjelas dan mengekalkan segala unsur-unsur keistimewaan yang ada di dalam teks tersebut. Manakala perbandingan yang dilakukan bertujuan untuk memperlihatkan penyimpangan yang telah berlaku terhadap teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* dari teks asal agar menjadi salinan yang terpelihara.

1. 4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memberi makna kepada teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* iaitu sebuah teks sastera yang memiliki keistimewaan tersendiri dengan segala sifat khas yang dimilikinya. Sudah selayaknya teks ini sangat perlu dihargai sebagai bahagian dari khazanah kesusasteraan Melayu tradisional yang merupakan salah satu dokumen budaya warisan masyarakat silam. Teks tersebut adalah terhasil dari pada kehebatan dan kecekapan seorang pengarang silam yang memperlihatkan kecintaan terhadap sejarah dan budaya masyarakat Melayu, khususnya dalam mengabadikan nilai-nilai sejarah dan budaya masyarakat Melayu Deli.

Kepentingan selanjutnya ialah untuk mengetahui bagaimana seorang yang dianggap sebagai tokoh sejarah boleh menjadi legenda pada masyarakat yang melahirkannya. Tokoh yang sudah dianggap sebagai tokoh sejarah seperti Gocah Pahlawan dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* sehingga kini menjadi kebanggaan masyarakat yang melahirkannya. Hal yang sedemikian ini boleh sahaja terjadi apabila kehebatan, keperkasaan dan keistimewaan beliau telah menjadi legenda dan diakui oleh masyarakat pendukungnya. Masyarakat Deli merasa lebih agung apabila meletakkan beliau dalam sejarah negerinya dan yakin beliau mempunyai kekuatan yang istimewa untuk dikekalkan sebagai seorang yang mampu memberikan kehebatan alur zuriat untuk generasi selanjutnya.

Kepentingan kajian ini seterusnya ingin memperlihatkan bahawa dalam penentuan genre, khasnya dalam genre historiografi Melayu, masih didapati perbezaan yang khusus walaupun dikategorikan dalam genre yang sama. Hal ini ingin diperlihatkan sebagaimana di dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*. Walaupun secara umum teks tersebut digolongkan dalam genre historiografi Melayu, namun secara keseluruhan ceritanya lebih menonjolkan watak Gocah Pahlawan sebagai seorang tokoh legenda.

Seterusnya kajian ini dilanjutkan dengan memperlihatkan bahawa teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* sebagai sebuah hasil kesusasteraan dalam genre historiografi Melayu dan di dalam keistimewaan watak tokoh legendanya, memperlihatkan nilai-nilai sejarah yang boleh dijadikan sebagai sumber sejarah. Dengan mengetahui unsur-unsur sejarah dalam keistimewaan tokoh legenda yang ditonjolkan diharapkan dapat memberikan gambaran sejarah masyarakat Melayu

tradisional pada zaman silam khasnya masyarakat yang melahirkannya untuk tatapan generasi kini. Jelasnya keseluruhan kepentingan dan keperluan kajian ini adalah untuk membaik pulih, memelihara dan menghindari berlakunya penyelewengan terhadap *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*. Kemudian mendekati teks kesusasteraan Melayu tradisional khususnya teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* agar dapat membawa pengertian ilmiah yang lebih bermakna.

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini berorientasikan analisis teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*. *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* tersebut diberi anotasi dan suntingan semula melalui pendekatan kajian filologi, yang menekankan satu penyusunan edisi kritis dan mengubah suai sebuah teks yang dianggap lebih baik dari teks sebelumnya iaitu, naskhah A (teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* sebagai tumpuan yang utama) berbanding dengan naskhah B (teks yang telah diterbitkan oleh Yandira Agung, 2003 dengan tajuk: *Hikayat Deli*).

Setelah melakukan penyalinan semula dan membandingkan antara naskhah A dengan naskhah B, kajian ini dilanjutkan dengan menganalisis teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*. Pada peringkat awal dicari terlebih dahulu ciri-ciri legenda dalam bidang kesusasteraan dan ciri-ciri sejarah dalam bidang kajian ilmu sejarah. Analisis berikutnya dicari bagaimana proses perubahan *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* sehingga menjadi sebuah teks bertulis, menafsir, dan membandingkan fakta bagi mendapatkan kebenaran sesuatu maklumat, yang

melayakkannya sebagai sebuah sumber sejarah iaitu menggunakan pendekatan sejarah lisan.

Pendekatan sejarah lisan telah diperkenalkan oleh Jan Vansina dalam kajian beliau berkenaan sastera lisan masyarakat Rwanda dan Burundi di Afrika. Hasil kajian beliau telah dibukukan dengan tajuk *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* (1965). Pendekatan ini dijangkakan bersesuaian digunakan dalam kajian ini untuk memperlihatkan kesejarahan Gocah Pahlawan yang menjadi legenda pada masyarakat Melayu Deli sehingga menjadi tradisi yang diwariskan dari generasi ke generasi. Hal ini selari dengan pendapat Jan Vansina (1965:2-8) bahawa setiap masyarakat memiliki tradisi lisan²⁶ dengan mengambil kira bahawa teks ini pada awalnya bersumber dari sastera lisan dengan ciri-ciri yang diperlihatkannya. Cerita yang terkandung dalam sastera lisan tersebut merupakan bahagian dari peristiwa-peristiwa masa lalu kemudian diwariskan dari generasi ke generasi sehingga ke bentuk teks bertulis.

Seperti yang disampaikan oleh Jan Vansina,²⁷ bahawa kesaksian lisan yang disampaikan dari mulut ke mulut dan dari satu generasi ke generasi berikutnya, walaupun peristiwa tersebut tidak disaksikan langsung dan hanya didengar dari pada nenek moyangnya boleh dijadikan sebagai sumber sejarah. Kerana setiap masyarakat memiliki tujuan untuk mengungkapkan secara khusus apa yang terjadi di masa lampau yang disebut juga tradisi sejarah (Jan Vansina, 1965 : 21-30).

²⁶ Mencakup semua aspek kehidupan dari sebuah komuniti di masa lampau berupa legenda, epik, peribahasa, teka-teki, ungkapan kesemuanya merupakan budaya tradisi lisan dari suatu masyarakat.

²⁷ "Once Upon a Time: Oral Tradition as History in Afrika", *Historical Studies Today*, diedit oleh Felix Gilbert dan Stephen R. Graubard, New York, 1972:415.

Pendekatan ini, juga telah diperkenalkan oleh Badariyah Haji Salleh dalam tulisannya yang berjudul “Sejarah Dari Bawah: Sejarah Rakyat Dalam Masyarakat Melayu Tradisional” dlm Badariah Haji Salleh (1977:154-174). Beliau menjelaskan bahawa cerita rakyat (sastera lisan) seperti cerita Pak kadok, Lebai Malang dan lain-lainnya dalam kelompok yang sama, boleh mencerminkan sebahagian daripada keadaan dan pemikiran rakyat bawahan dalam masyarakat Melayu tradisional, sehingga boleh dijadikan sebagai sumber sejarah. Demikian juga apa yang dipertegas oleh R. Suntharalingam (1985:7) dalam bukunya yang bertajuk *Pengenalan kepada Sejarah*, juga telah mengukuhkan lagi bahawa pendekatan sejarah lisan yang dilakukan oleh Jan Vansina boleh dijadikan sebagai sumber sejarah. Dapatan kajian dan pandangan yang dikemukakan oleh Jan Vansina tersebut kemudiannya menjadi sumber idea pengkaji dan akhirnya dijadikan sebagai asas dalam pembinaan tesis ini.

Selanjutnya analisis naskhah diteruskan untuk mendapatkan ciri-ciri kelegendaan Gocah Pahlawan, menerusi watak-watak yang ditampilkan dan melalui ciri-ciri yang diperlihatkan dalam teks tersebut seperti bentuk, unsur-unsur, nama perorangan yang ditonjolkannya dan lain-lain sehingga ketokohan Gocah Pahlawan tersebut menjadi istimewa sebagai sebuah legenda sejarah.

1.6 Batasan Kajian

Kajian yang akan dilaksanakan hanya bertumpu kepada naskhah A, iaitu *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* yang ditulis menggunakan tulisan Rumi berbahasa Indonesia, dengan memakai ejaan van Ophuijsen. Jumlah muka suratnya 196 halaman dan masih belum pernah diterbitkan. Walau bagaimanapun, batasan kajian

ini lebih menekankan kepada membuat suntingan dan anotasi terhadap teks dan menganalisisnya untuk memperlihatkan proses kelahiran sebuah karya legenda sejarah bagi masyarakat di Deli.²⁸

1.7 Kajian Terdahulu

Kajian-kajian kesusasteraan yang menumpukan perhatian dalam bidang legenda sebelum ini sudah menjadi tarikan tersendiri untuk diterokai oleh para sarjana. Penyelidikan dalam bidang ini sudah ada dilakukan oleh ahli sejarah, antropologi mahupun kesusasteraan, baik oleh pengkaji tempatan mahupun pengkaji asing. Mohd Khalid Taib (1989) dalam tulisan beliau yang bertajuk “*Legenda Sebagai Genre Tradisi Lisan dan Relevansinya kepada Historiografi Melayu.*”²⁹ Di dalam kertas kerja ini, beliau lebih memberi perhatian kepada melahirkan suatu definisi legenda yang sesuai untuk kawasan Nusantara dan membahagi jenis-jenis legenda yang wujud serta relevansinya dengan zaman kontemporari. Kemudian menyatakan bahawa legenda dapat diterima sebagai sesuatu yang mempunyai relevansi kepada historiografi.

Yusoff Iskandar (1977 : 484 - 492) dalam tulisannya yang bertajuk “Mitos dan Legenda sebagai unsur penulisan Sejarah Melayu” menekankan bahawa mitos dan legenda adalah asas dari penulisan teks *Sejarah Melayu*. Beliau menekankan

²⁸ Pada tahun 1901, Ch.A. van Ophusyen ditugaskan oleh pihak berkuasa Belanda untuk menyusun satu sistem ejaan dalam Bahasa Melayu. Sistem ejaan Latin untuk bahasa Melayu di Indonesia ini ditulis dalam *Kitab Logat Melajoe* (1929, Cetakan ke-8) yang berasaskan sistem ejaan Bahasa Belanda. Beliau telah menetapkan enam lambang vokal, dua lambang diftong dan 24 lambang konsonan, (Hashim Musa, 1997: 426). Sistem ini menjadi ejaan rasmi sehingga tahun 1972 di Indonesia, (*Kamus Besar Indonesia*, 1988: 219).

²⁹ Kertas kerja persidangan antara Bangsa Pengajian Melayu. Kuala Lumpur. 21-23 Ogos:165

bahawa mitos dan legenda yang dilahirkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* mempunyai nilai keistimewaan dan kepentingan tersendiri. Keistimewaan itu ditampilkan adalah untuk melahirkan rasa kebesaran, kemuliaan dan keagungan pada raja-raja dan pembesar kerajaan juga memberi nilai-nilai didaktis untuk diteladani.³⁰

Low Kok On (2003) dalam tesisnya yang bertajuk *Membaca Masa Silam Kadazandusun Berasaskan Mitos dan Legenda*, membuat kajian lapangan mengumpulkan teks-teks verbatim Kadazandusun berkenaan dengan mitos dan legenda sebagai objek kajian. Kemudian beliau cuba mendekati persepsi orang Kadazandusun terhadap aspek-aspek seperti kemunculan Tuhan/dewa-dewi makhluk mitos diikuti dengan penciptaan alam semesta, asal manusia pertama, kosmologi, kepercayaan, tahyul, pembentukan suku, pembukaan petempatan baru dan unsur-unsur kehebatan nenek moyang Kadazandusun melalui teks-teks yang telah dikumpulkan. Kajian ini akhirnya mendapati bahawa orang Kadazandusun masa silam mempunyai persepsi bahawa, dewa-dewi telah mencipta seluruh alam semesta. Kepercayaan mereka pada masa silam bukan bercirikan animisme melainkan politeisme.

Noriah Taslim dalam tulisannya (1991 : 310) membuat kajian terhadap teks legenda Keramat Lebai Kadir yang muncul dari negeri Kedah. Beliau menghubungkan struktur dengan makna sebuah legenda keramat dalam budaya. Beliau menyatakan bahawa legenda keramat merupakan satu hasil daripada sistem kepercayaan masyarakat, maka bentuknya hanya akan dapat difahami apabila ia dilihat dalam konteks budaya yang melahirkannya.

³⁰ Selanjutnya Yusoff Iskandar memperlihatkan contoh legenda yang ditampilkan dalam *Sejarah Melayu* iaitu tokoh legenda Hang Tuah yang sangat taat kepada rajanya tanpa berbelah bagi dengan berpegang kepada 'pantang Melayu derhaka kepada raja'.

Memanglah semua kajian di atas, mengkaji legenda dari berbagai-bagai teks, baik legenda dalam sastra lisan mahupun legenda dalam historiografi. Walau bagaimanapun, kajian tersebut cenderung ke arah kepentingan dan mengukuhkan fakta yang memperlihatkan adanya legenda dalam historiografi Melayu. Teks historiografi yang menumpukan pengkajian dari aspek legenda, khususnya yang menitikberatkan tentang kelahiran tokoh legenda sejarah sepengetahuan penulis masih belum dilakukan. Apalagi kajian legenda yang menjadikan teks *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* sebagai objek kajian.

Kajian mengenai *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* dari sudut ilmu pengetahuan yang lain sememangnya pernah dilakukan oleh seorang peneliti dari Barat; iaitu, Milner, (1977). Milner memilih *Hikayat Deli* dan *Hikayat Pahang* sebagai sumber kajiannya dalam memperoleh ijazah kedoktoran dari Cornell University.³¹ Tesis ini menumpukan perhatian kepada bidang budaya politik, menggunakan pendekatan fungsional dari sudut antropologi.

Kata-kata 'adil', 'murah', 'manis', 'halus' dan 'zalim' diberi penilaian makna tersendiri. Milner cuba memahami aktiviti politik Melayu melalui pandangan orang Melayu sendiri dan berjaya mendapatkan gambaran dan pengertian tentang pemikiran politik Melayu tradisional iaitu lebih cenderung kepada suatu sistem keagamaan daripada suatu sistem politik. Persepsi orang Melayu terhadap motivasi politiknya iaitu, “ Yang penting bagi rakyat bukanlah pelbagai anugerah dan pangkat atau nama yang diperolehi dari raja, tetapi bagaimana keadaan ketika di bawah

³¹ Dengan tajuk, “*The Malay Raja: A Study of Malay Political Culture in East Sumatra and The Malay Peninsula in the Early Nineteenth Century*”.

pemerintahan seseorang raja.” Jelasnya kajian Milner munumpukan perhatian lebih kepada konsep kerajaan atau kuasa politik di daerah Melayu.³²

Selanjutnya Lukman Sinar (2002) ada menulis pada sebuah berita harian *Waspada* dalam bentuk artikel berkenaan dengan *Hikayat Deli*. Teks *Hikayat Deli* dijadikan rujukan oleh beliau dalam mengungkapkan kehalusan adat-istiadat masyarakat Deli, sistem peperangan dan perilaku pasukan Deli dalam menghadapi musuh-musuhnya.

Siti Hawa Haji Salleh (1997:377) dalam buku beliau yang bertajuk *Kesusasteraan Melayu Abad kesembilan Belas*, ada menyebut *Hikayat Deli*. Walau bagaimanapun, beliau hanya mengulas apa yang telah dikaji oleh Milner. Beliau tidak memberi komen dan apa-apa tanggapan berkenaan dengan *Hikayat Deli*, hanya memberi pernyataan bahawa Milner telah mengelompokkan *Hikayat Deli* dalam kumpulan sastera sejarah. Kemudian menjadikan *Hikayat Deli* dan *Hikayat Pahang* sebagai objek kajian beliau dengan menggunakan pendekatan fungsional untuk melihat hasil-hasil kesusasteraan itu sebagai hasil budaya.

Juwita Erdaini (2004) juga telah menjadikan *Hikayat Deli* sebagai asas kajian beliau bagi mendapatkan Ijazah Magister Humaniora di Universitas Sumatra Utara, Medan- Indonesia. Walau bagaimanapun kajian tersebut memberi penekanan lebih kepada bidang kajian linguistik dengan tajuk *Kohesi Dalam Hikayat Deli*. Kajian beliau tersebut berasaskan *Hikayat Deli* terbitan 2003 seperti yang disebutkan di bawah ini.

³² Hasil kajian beliau ini kemudian diterbitkan dalam bentuk buku pada tahun 1982 dengan tajuk *KERAJAAN: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Associate for Asian Studies: The University of Arizona Press.